

Elak skala konflik di Laut China Selatan meningkat

BH 8/9/2023 MS:11

Oleh Ismail Hashim Yahaya
bhrencana@bh.com.my



Penganalisis politik antarabangsa

Pentas persaingan China dan Amerika Syarikat (AS) di Laut China Selatan bertambah kompleks mengambil kira hasrat Presiden Russia, Vladimir Putin membina hubungan di rantau Asia Pasifik berdasarkan prinsip kesaksamaan, saling menguntungkan dan menghormati kepentingan sah masing-masing.

Hasrat itu dizahirkan pada Forum Ekonomi Timur (EEF) Ke-8 anjuran Yayasan Ros-congress di Vladivostok, September 2022, sekali gus menimbulkan persoalan apakah Russia akan bersama China dalam persai-

ngan dengan AS untuk menguasai medan kelautan berkenaan?

Laut China Selatan sebagai pentas persaingan geopolitik, kaya dengan sumber perikanan, iaitu 12 peratus jumlah tangkapan ikan dunia, sumber rezeki nelayan dan protein jutaan penduduk rantau ini.

Menurut kajian China National Offshore Oil Company (CNOOC), laut itu juga dipercayai menyimpan hingga 125 bilion tong rizab minyak dan 500 trilion kaki padu (tcf) gas asli, manakala Agensi Maklumat Tenaga AS menganggarkan ia menyimpan 190 tcf gas asli serta 11 bilion tong minyak simpanan dengan kebanyakannya di sepanjang margin.

Ia juga menjadi laluan perdana perniagaan antarabangsa, iaitu satu pertiga trafik maritim. Laluan strategik perdagangan ini membawa lebih AS\$3 trilion (RM14 trilion) dalam nilai barangan setahun dan menghubungkan negara kuasa ekonomi Asia dengan

pasaran Eropah, Afrika dan benua Amerika.

China yang dari segi sejarah berasakan Laut China Selatan adalah wilayah keasliannya dan ingin mendominasinya seperti yang turut diperlihatkan melalui Peta Standard China edisi 2023 dikeluarkan Kementerian Sumber Asli negara berkenaan menggabungkan kawasan dipertikaikan.

Ini termasuk tuntutan ke atas Arunachal Pradesh, wilayah Aksai Chin, Taiwan dan Laut China Selatan, selain kawasan maritim zon ekonomi eksklusif (ZEE) Malaysia berhampiran Sabah dan Sarawak, Brunei, Filipina, Indonesia serta Vietnam.

Nota bantahan secara kolektif

Meskipun Malaysia, Filipina, Taiwan, Singapura dan Indonesia menghantar bantahan, ASEAN digesa untuk berbuat demikian secara kolektif. Bagaimanapun, setakat ini kita tidak melihat sebarang nota bantahan bersama dalam Sidang Kemuncak ASEAN ke-43 di Jakarta kerana platform itu mungkin dilihat sebagai pakatan pertahanan tidak rasmi.

Apapun, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan ASEAN perlu berwaspada terhadap tindakan memecah belah oleh kuasa besar dengan sentiasa mendukung kepentingan kumpulan.

Hal itu pastinya turut dibimbangi Presiden Filipina, Ferdinand Marcos Jr, tetapi bertegas menyelesaikan isu itu secara aman. Apatah lagi skala konflik boleh meningkat sekiranya berlaku sesuatu tidak diingini seperti kejadian sebuah kapal Pengawal Pantai China (CCG) menyekat kapal peronda Filipina hampir berlanggar.

Perbalahan itu menunjukkan isu pertengkaran wilayah meningkatkan suhu ketegangan membawa kepada campur tangan kuasa besar seperti AS.

Sebagai langkah menjaga keselamatan wilayah pergolakan, Filipina dan AS melancarkan latihan bersama pada 13 Mac lalu dengan tujuannya meningkatkan keupayaan melindungi dan mempertahankan wilayahnya daripada ancaman luar; selain mengumumkan perjanjian baharu memperluaskan kehadiran tentera AS.

Ia tentunya menajamkan persaingan geopolitik kedua-dua kuasa besar itu. Kepentingan AS dalam Laut China Selatan disebabkan ia laluan transit utama trafik perniagaan ke Asia Timur dan kapal perang.

Justeru, perlu diperhatikan persaingan kedua-dua kuasa besar yang berpotensi membawa perpecahan negara ASEAN seperti dibimbangi Anwar sedangkan ASEAN perlu kekal bebas, aman dan berkecuali.

